

# Mengapa Anwar tolak tawaran Pas

PETALING JAYA, Isnin — Bekas Presiden ABIM, Encik Anwar Ibrahim menolak tawaran PAS bertanding dalam pilihanraya di masa lalu kerana pimpinan parti itu berlagu antara golongan tua dan muda, kata bapanya, Haji Ibrahim Abdul Rahman mem-buka rahsia.

Encik Anwar, kata Haji Ibrahim memberitahunya beberapa hari lalu kenapa dia menolak tawaran bertanding atas tiket PAS.

"Saya bertanya Anwar seminggu lalu mengenai laporan akhbar yang menyatakan dia hendak bertanding atas tiket Barisan Nasional.

"Anwar memberitahu saya, dia menerima tawaran PAS, tetapi menolaknya kerana PAS berlagu antara golongan tua dan muda.

"Tetapi, dia tertarik dengan ketegasan pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Musa Hitam," kata Haji Ibrahim.

Menurut Haji Ibrahim, Anwar adalah ahli UMNO sejak kira-kira 18 tahun lalu, iaitu ketika dia bersekolah di Kolej Melayu Kuala Kangsar.

"Saya masih ingat dia membayar yuran \$1

menyertai UMNO cawangan Kampung Cherok Tok Kun, Bukit Mertajam dan dia terus membayar yuran itu ketika menuntut di Universiti Malaya," katanya.

## Berkempen

Haji Ibrahim yang kini menjadi Ketua UMNO cawangan Kampung Tunku, Sungai Way dan Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Petaling berkata lagi, sebagai seorang bapa, dia amat gembira dan berdo'a agar hasrat anaknya bertanding dalam pilihanraya akan datang disetujui Tuhan.

"Saya akan pulang ke

Bukit Mertajam berkempen untuk Anwar," katanya.

Menurutnya, dalam pertemuan singkat dengan Anwar, dia memberitahu keputusannya bertanding dalam pilihanraya ini bergantung kepada restu ABIM.

"Anwar berkata, dia terpaksa bertanya kepada ABIM disebabkan dia amat sayang kepada pertubuhan itu dan sukaduka berjuang dialaminya bersama ABIM.

"Anwar kemudian menghubungi saya memberitahu ABIM merestunya dengan berkata

"Alhamdulillah".

"Saya tahu Anwar bukan mudah dipujuk rayu, dia amat kental dengan semangat dan keyakinannya. Ini terbukti semasa dia ditahan dulu, dia meminta saya jangan merayu atau melutut meminta pembebasannya kerana dia yakin dia tidak bersalah," ujar Haji Ibrahim lagi.

Bagaimanapun, Haji Ibrahim berkata dia bersyukur ke hadirat Allah kerana Anwar didorong ke dalam perjuangan politik yang bersih dan benar.

## Penghormatan

Anak keempat dalam keluarga, seorang abangnya Encik Rani Ibrahim ialah tokoh bella yang aktif dalam Majlis Bella Malaysia dan pernah menjadi presiden pertubuhan itu.

Menurut Haji Ibrahim lagi, penubuhan Universiti Islam yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini telah membuka pintu hati Anwar untuk menyertai UMNO.

"Dia telah memperjuangkan penubuhan universiti itu begitu lama dan merasa terhormat dan penghormatan yang tinggi kepada ABIM yang dipimpninya," jelasnya.

Mengetahui peluang Anwar di kawasan Parlimen Permatang Pau, Haji Ibrahim yang pernah menjadi wakil rakyat di tahun 50-an berkata, dia yakin Anwar akan mendapat sokongan.

"Lapan puluh peratus pengundi di situ adalah Melayu," jelasnya.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri ..... 2511  
No. Penerimaan ..... 255/85